

Perdana Menteri lulus bantuan segera RM50 juta untuk Johor

Dana disalurkan bagi baik pulih infrastruktur, selenggara sungai, bantu mangsa bah

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan meluluskan peruntukan segera RM50 juta untuk Johor, susulan bencana banjir yang disifatkan terburuk pernah melanda negeri itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kelulusan itu diumumkan Perdana Menteri, bagi tujuan melaksanakan kerja baik pulih infrastruktur rosak disebabkan bah.

"(Saya) luluskan RM50 juta segera untuk Johor bagi tujuan (selenggara) sungai dan untuk bantu mangsa banjir serta keperluan lain yang segera.

"Beberapa menteri sudah turun hari ini (semalam) dan esok (hari ini) sebahagian lagi. Saya akan turun dalam masa singkat," katanya.

Beliau ditemui media selepas menyertai 1,500 jemaah termasuk kakitangan dan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Qaryah Serdang, di sini semalam.

Anwar yang diiringi Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Men-



Anwar bersalaman dengan orang ramai selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Qaryah Serdang, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

teri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shaari, tiba di pekarangan masjid berkenaan kira-kira jam 1.35 tengah hari.

Usai solat Jumaat, Perdana Menteri yang lengkap berbaju Melayu, turut mengambil kesempatan bersalaman dan beramah mesra dengan jemaah.

Sementara itu, setakat jam 4 petang semalam, mangsa banjir di Johor meningkat kepada 32,870 orang daripada 9,288 keluarga dengan 219 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di seluruh negeri.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi turut mengumumkan peruntukan RM10 juta kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata, peruntukan berkenaan untuk membeli peralatan dan bantuan tambahan kepada mangsa terjejas yang semakin meningkat di PPS.

Sementara itu, Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, berkata setakat ini Kabinet tidak membincangkan sebarang keperluan untuk melaksanakan dar-

urat di Johor yang terjejas teruk akibat banjir, sebaliknya berpandangan bantuan segera dapat diberikan kepada semua mangsa.

"Ketika ini, Jemaah Menteri melihat apa yang kita boleh lakukan segera sekarang. Yang diteliti adalah aset kerajaan. Timbalan Perdana Menteri sudah melihat beberapa lokasi semalam (kelmarin) dan beberapa isu dibangkitkan segera juga sudah diselesaikan.

"Antara lain yang kita (Jemaah Menteri) bincangkan adalah keperluan untuk memasang jambatan *bailey* untuk pastikan jaringan jalan dapat dihubungkan semula," katanya.

Beliau yang juga Menteri Komunikasi dan Digital, berkata semua menteri diminta meneliti usaha menyegerakan bantuan dan tindakan mengikut kementerian masing-masing.

"Bagi Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) sendiri, antara perkara menjadi fokus ialah isu rangkaian telekomunikasi. Saya sudah beri penegasan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk melihat menara telekomunikasi yang terjejas yang mana setakat semalam (kelmarin) jumlahnya mencah 90 menara yang memerlukan pembaikan segera," katanya.